

ANALISIS PENGGUNAAN IMEJ YANG BERCIRIKAN KARTUN DALAM CATAN PELUKIS-PELUKIS SABAH

SABATING @ EV BARON KAMPIAU



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

2015

ANALISIS PENGGUNAAN IMEJ YANG BERCIRIKAN KARTUN DALAM CATAN PELUKIS-PELUKIS SABAH

SABATING @ EV BARON KAMPIAU



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA
SASTERA SENI VISUAL

FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2015

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL: **ANALISIS PENGGUNAAN IMEJ YANG BERCIRIKAN KARTUN DALAM CATAN PELUKIS-PELUKIS SABAH**

IJAZAH: **SARJANA SASTERA (SENI VISUAL)**

Saya **SABATING @ EV BARON KAMPIAU**, Sesi Pengajian **2010-2015**, mengaku membenarkan tesis Doktor Falsafah ini disimpan di Perpustakaan Univesiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

/ TIDAK TERHAD


SABATING @ EV BARON KAMPIAU
PY20108130

Tarikh: 22 Julai 2015

Disahkan oleh,
NORAZLYNNE MOHD. JOHAN @ JACKLYNE
PUSTAKAWAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(Tandatangan Pustakawan)


Prof. Dr. Hj. Ismail Ibrahim
Penyelaras



PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

April 2015



Sabating @ Ev Baron Kampiau
PY 20108130



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **SABATING @ EV BARON KAMPIAU**
NO. METRIK : **PY20108130**
TAJUK : **ANALISIS PENGGUNAAN IMEJ YANG BERCIRIKAN
KARTUN DALAM CATAN PELUKIS-PELUKIS SABAH**
IJAZAH : **SARJANA SASTERA (SENI VISUAL)**
TARIKH VIVA : **6 APRIL 2015**

Disahkan Oleh;


1. PENYELIA

Prof. Dr. Hj. Ismail Hj. Ibrahim

Tandatangan



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



PENGHARGAAN

Kejayaan penyiapan tesis ini, menjadi gambaran betapa penting dan hebatnya sokongan daripada pelbagai pihak demi terbitnya sebuah lagi buku ilmiah yang telah saya usahakan selama ini. Impian ini tidak akan menjadi kenyataan tanpa penglibatan dan tunjuk ajar serta dorongan pihak-pihak berkenaan. Sebagai seorang guru pendidikan seni di sekolah menengah sekali gus merupakan seorang pelukis yang cenderung bergiat aktif, tentu sekali terdorong mengorak selangkah lagi ke arah puncak menara gading yang diimpikan. Dorongan yang kuat selain jati diri, sudah tentu datangnya daripada yang maha Esa, pensyarah, rakan-rakan pelukis, ibu bapa, keluarga, dan juga teman-teman seperjuangan.

Dengan lafaz syukur yang tidak terhingga, tanpa yang Maha Esa dan kebesarannya, sudah tentu peluang yang diraikan ini tidak mungkin wujud. Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan UMS sebagai gedung pengetahuan menjadi teraju kepada penulisan ini. Kini dan selamanya, pengorbanan pensyarah seperti Prof. Madya Dr. Hj. Ismail Hj. Ibrahim sebagai penyelia utama dalam proses penyiapan tesis ini tidak akan dilupakan. Tanpa anda siapalah saya. Bimbingan dan galakan yang diberikan oleh beliau tidak mungkin dapat dibalas dengan perbuatan. Demikian juga dengan Prof. Madya Dr. Johari Abd. Hamid yang tidak jemu-jemu mengingatkan supaya penyiapan tesis ini dapat dipercepatkan disertai dengan tip-tip bermakna. En. Puad Bebit sekali pun hanya sempat menyelia kurang daripada dua semester sebelum beliau melanjutkan pelajaran namun kesan yang ditinggalkan hasil daripada perbincangan dalam menentukan tajuk dan arah penulisan sangat berkesan dan bermanfaat sekali. Tunjuk ajar oleh Dr. Humin Jusilin sentiasa dihargai dan diingati. Tidak lupa juga untuk mengekspresikan pujian kepada En. Mohd Yaman bin Hj. Ahmad Mus (arwah) selaku mantan pengarah Balai Seni Lukis Sabah melalui krew-krewnya kerana membekalkan semua bahan-bahan penulisan khususnya karya catan yang berkaitan. Ketika proses penulisan tesis ini sedang berlangsung, teraju kepimpinan BSLS masih di bawah beliau walaupun pada masa itu kesihatan beliau sudah semakin merosot. Terima kasih kepada Prof. Dr. Baharuddin Darus (pemeriksa dalaman) dan Prof. Dr. Muliyadi Mahamood (pemeriksa luar). Seterusnya penghargaan juga kepada rakan-rakan pelukis yang dikaji dalam penulisan ini kerana secara tidak langsung anda telah membekalkan catan-catan yang diperlukan oleh penulis.

Kepada keluarga tersayang yang merupakan sumber inspirasi, khusus buat Ibu saya Kotu Dokis (1949), isteri tercinta Jane Peter (1976), anak-anak yang dikasihi Daryl Ornish (2001) dan Meredith Ofely (2003). Anda semua telah menjadi pemangkin kepada lonjakan transformasi keluarga. Terima kasih kepada semua kaum kerabat juga sahabat handai yang telah membantu baik secara langsung atau tidak langsung dalam penulisan ini. Akhir sekali kepada semua yang terlibat, ku sanjung budi, kenang berlipat.

Sabating @ Ev Baron Kampiau
April 2015

ABSTRAK

Manifestasi penggunaan imej bercirikan kartun dalam catan merupakan amalan lama yang telah dipraktikkan oleh pelukis-pelukis terdahulu. Ini terbukti melalui lukisan prasejarah pada dinding-dinding gua yang memaparkan pelbagai imej ringkas bertemakan kehidupan sejagat yakni aktiviti pemburuan atau rakaman pengabdian peristiwa yang berlaku pada ketika itu. Kajian ini adalah untuk mengenalpasti imej-imej yang bercirikan kartun dalam catan di Sabah. Kaedah penghayatan dalam penyelidikan seni visual ini adalah menggabungkan teori Edmund Burke Feldman yakni berasaskan empat tahap iaitu diskripsi, peringkat analisis, interpretasi, pertimbangan dan Erwin Panofsky berasaskan tiga tahap iaitu tahap formalistik, ikonografi dan ikonologi. Ada tiga objektif iaitu, membuat inventori imej bercirikan kartun, menganalisis aspek formalistik dan mengenal pasti ikon pada karya catan terpilih. Persoalan kajian dirangka untuk menjawab semua objektif tadi iaitu, apakah hasil inventori?, bagaimana hasil analisis formalistik? dan apakah ikon karya catan terpilih dan hubungannya dengan masyarakat persekitaran?. Kaedah untuk mendapatkan data adalah bergantung kepada dua sumber utama iaitu bahan terbitan melalui pembacaan dan pengamatan melalui artifak dan data mentah. Dapatan kajian yang melibatkan dua puluh buah catan pilihan, membuktikan kewujudan ciri-ciri kartun pada imej dalam catan yang diklasifikasikan berdasarkan kriteria penilaian yang terdiri daripada lima ciri iaitu penampilan hodoh, penampilan dipermudahkan, penampilan lucu, pemiuhan dan penampilan yang tidak mementingkan kadarbanding. Kriteria penilaian yang diadaptasi daripada interpretasi tokoh-tokoh pengkaji terdahulu terhadap kartun ini dilengkapi dengan penskoran: 1 kurang tepat, 2 agak tepat, 3 tepat dan 4 paling tepat. Keputusan kajian yang merujuk tahap keberkesanan kriteria imej bercirikan kartun pada catan diperolehi melalui penjumlahan skor terkumpul yang diklasifikasikan kepada kumpulan Sederhana (1-5 skor), Memuaskan (6-10 skor), Baik (11-15 skor) dan Cemerlang (16-20 skor). Daripada 20 karya yang dikaji, 9 daripadanya berada dalam kategori Cemerlang, Baik 5 buah, Memuaskan 5 buah dan Sederhana hanya sebuah catan sahaja. Kajian ini membuktikan bahawa karya bercirikan kartun dalam catan menterjemahkan maksud peribadi dan kerencaman kehidupan yang berlatarbelakangkan cerita, sejarah, tradisi dan pengalaman sosial pelukis dalam masyarakatnya di samping menaikkan kesan penerimaan awam terhadap stail ini.

ABSTRACT

THE ANALYSIS OF IMAGE USE IN CARTOON PAINTING BY PAINTERS IN SABAH

The manifestation of cartoon characterization in painting is the method which has been practiced by earlier painters. It has been proven from the painting of the prehistory caves wall. That has been a variety of global life such as hunting activities or to dedicate an event. This study is to identify images that feature cartoon painting in Sabah. The appreciation of the visual art in this research was to combine the theory of Edmund Burke Feldman which is based on four levels which are description, analysis, interpretation and judgement and Erwin Panofsky theory that based on three levels which are formalistic, ichonography and iconology. There are three bases objectives namely making inventories featuring of a cartoon image, analyzing aspects of formalistic and identify icons on painting selected works. The question of the study to answer all the objective like "what is the inventory results?", "How is the formalistic analysis?" and "What is the icon and relationship with the community environment?'. The method to get the data is dependent on two main sources through reading and observation of artifacts and crude data. The finding involving the selection of twenty pieces of paintings, prove the existence of a cartoon character in the image of painting which classified based on evaluation of criteria which consists of five features namely, the ugly appearance, simplified appearance, funny appearance, distortion and non accentuate comparison rates. Assessment criteria adapted from the interperatation of the figures of previous researchers from these cartoons. Features equipped with: 1. Inappropriate, 2. Fairly accurate, 3. Appropriate and 4. Very precise. The study referred to the effectiveness of the criteria of image featured the painting is obtained through summation of classified cumulative score to the group of: Average (1-5 score), satisfactory (6-10 score), good (11-15 score), excellent (16-20 score). From the 20 works studied, 9 of it is in the excellent category, 5 is good, 5 is satisfactory and only one painting scored as average. This proves that the work characterized by cartoon in painting composition translate the intent of personal and life. It is against the backdrop of the historical story, tradition and social experience of a painter in the society. Apart from that, it increase the impact of public acceptance of this style.

ISI KANDUNGAN

Halaman

TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
BAB 1: PENDAHULUAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Permasalahan Kajian	5
1.3 Objektif Kajian	8
1.4 Persoalan Kajian	9
1.5 Kepentingan Kajian	10
1.6 Limitasi Kajian	11
1.7 Elemen Apresiasi dan Kritikan Sebagai Dasar Penganalisisan	13
1.7.1 Kaedah Sejarah Seni Visual	14
1.7.2 Unsur-unsur Seni dan Prinsip Rekaan	17
1.8 Kesimpulan	19
BAB 2: SOROTAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	20
2.1.1 Ringkasan Sejarah Seni Lukis Sabah	21
2.1.2 Karakter Asas Dalam Kartun	24
2.1.3 Definisi Imej Bercirikan Kartun Dalam Catan	28
2.2 Catan-Catan Menggunakan Imej Kartun Luar Negara	36

2.2.1	Catan Gaya Barat	37
2.2.2	Catan Gaya Australia	44
2.2.3	Catan Gaya Timur Tengah	45
2.2.4	Catan Gaya Asia	47
2.3	Catan-Catan Dalam Negara	52
2.3.1	Semenanjung Malaysia dan Sarawak	52
2.3	Kesimpulan	60

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	63
3.2	Kerangka Kajian	63
3.3	Reka Bentuk Kajian	65
3.4	Analisis Kandungan	67
3.5	Teori Penganalisisan Karya	68
3.5.1	Teori Penghayatan Edmund Burke Feldman dan Erwin Panofsky	70
3.6	Instrumen Kajian	77
3.6.1	Prosedur Koleksi Data	77
3.7	Instrumen Analisis	81
3.7.1	Instrumen Penilaian Kriteria Imej	81
3.7.2	Panduan Skor	87
3.7.3	Penentuan Kriteria Imej Bercirikan Kartun	89
3.7.4	Rumusan Skor	90
3.8	Contoh Panduan Analisis dan Klasifikasi Karya	91
3.8.1	Contoh Klasifikasi Cemerlang	92
3.8.2	Contoh Klasifikasi Baik	95
3.8.3	Contoh Klasifikasi Memuaskan	98
3.8.4	Contoh Klasifikasi Sederhana	100
3.9	Kesimpulan	103

BAB 4 : KARYA-KARYA CATAN BERCIKIRAN KARTUN DI SABAH

4.1	Pengenalan	106
4.2	Analisis Karya	106
4.2.1	Analisis Karya George Chin	107
4.2.2	Analisis Karya Jainal Amambing	111
4.2.3	Analisis Karya Awang Fadilah Bin Ali Hussein	126
4.2.4	Analisis Karya Pete TM. Wong	137
4.2.5	Analisis Karya Jim Abrakis	141
4.2.6	Analisis Karya Bin Inauk Gullah	144
4.2.7	Analisis Karya Arthur Stephen Siowou	150
4.2.8	Analisis Karya Azlan Dulikap	158
4.2.9	Analisis Karya Danuri Sakijan	167
4.2.10	Analisis Karya Ron Galimas	171
4.2.11	Analisis Karya Francis Cheong Sung Yin	175
4.3	Klasifikasi Karya	179
4.4	Kesimpulan	180

BAB 5 : RUMUSAN KAJIAN

5.1	Pendahuluan	183
5.2	Rumusan Hasil Analisis Karya Pilihan	184
5.2.1	Hasil Inventori Imej Bercirikan Kartun Dalam Catan	184
5.2.2	Hasil Analisis Aspek Formalistik	185
5.2.3	Hasil Analisis Ikon	191
5.3	Kesimpulan	194

RUJUKAN	197
----------------	-----

PLAT	207
-------------	-----

SENARAI JADUAL

Halaman

Jadual 1.1:	Soalan-soalan analisis	15
Jadual 3:1:	Gabungan teori penghayatan Feldman E.B. dan Panofsky E.	76
Jadual 3:2:	Proses Mendapatkan Data	78
Jadual 3:3:	Manifestasi kewujudan lima kriteria penilaian	82
Jadual 3:4:	Kriteria penilaian imej bercirikan kartun dalam catan	83
Jadual 3.5:	Panduan skor	87
Jadual 3:6:	Penentuan skor imej bercirikan kartun	89
Jadual 3:6:	Rumusan Skor	90



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

Halaman

Rajah 2.1:	Sembilan Asas Bentuk Kepala.	26
Rajah 3.1:	Kerangka Kajian	63
Rajah 3.2:	Prosedur Analisis Karya	67
Rajah 3.3:	Zulkifli Mohd. Dahlan, Malaysia , ' <i>Halaman Rumah Kami</i> ', 1973,Balai Seni Lukis Negara	92
Rajah 3.4:	Syed Thajuddeen, Malaysia, ' <i>Endearing Thought</i> ', 2000, (140 X 140cm), cat minyak atas kanvas	95
Rajah 3.5:	Karen Flores, Philippines ' <i>Bantay Salakay</i> ', 1993, cat minyak	98
Rajah 3.6:	Cok Istri Mas Astiti, Indonesia ' <i>Women of the Same History</i> ' (35 X 25 cm), Akrilik	100
Rajah 4.1:	Karya George Chin ' <i>Sumazau</i> ' (48 x 63 cm), Cat Minyak, 1970,[Kategori Cemerlang 19 skor]	108
Rajah 4.2:	Jainal Amambing, ' <i>Cerita Cinta Tradisi Rindu-Rinduan Dan Kenang-Kenangan</i> ', (112 X 85 cm), cat minyak, 2000. [kategori Baik 14 skor]	113
Rajah 4.3:	Jainal Amambing, ' <i>Aku, Pesta tradisi dan suasana</i> ', (76 X 115 cm), akrilik, 2000, [Kategori Memuaskan 8 skor]	116
Rajah 4.4:	Jainal Amambing, ' <i>Ku rindu bercanda di halaman rumah</i> ', (103 X 88 cm), cat minyak, 2002, [Kategori Cemerlang 18 skor]	120
Rajah 4.5:	Jainal Amambing, ' <i>Kereta-Keretaku Beroda Selipar Jepun</i> ', (100 X 85cm), Akrilik, 2011, [Kategori Cemerlang 18 skor]	124
Rajah 4.6:	Awang Fadilah B. Ali Hussein, ' <i>Land of Cultural (Series 2)</i> ', (112 X 85cm), cat minyak, 2000, [Kategori Baik 15 skor]	128
Rajah 4.7:	Awang Fadilah B. Ali Hussein, ' <i>Tanah Borneo & Pesta Kebudayaan</i> ', (122 x 92 cm), Gouce, 2003, [Kategori Cemerlang 18 skor]	131
Rajah 4.8:	Awang Fadilah, ' <i>Khazanah Alam di Tengah Borneo</i> ', (42 x 50cm), Campuran, 2010,[Kategori Cemerlang 20 skor]	135

Rajah 4.9:	Pete TM. Wong, <i>Hundred and Thirty Culture Dance III</i> , (89 x 178 cm), 2000, [Kategori Cemerlang 20 skor]	138
Rajah 4.10:	Jim Abrakis, <i>Bersembang-sembang di Rumah Usang</i> , (80 x 124 cm), 1999, [Kategori Memuaskan 6 skor]	142
Rajah 4.11:	Inauk B. Gullah, <i>Di Giluk Fall Tiada Raja Pemburu Lagi</i> , cat minyak, (114 x 149 cm), 2010, [Kategori Memuaskan 10 skor]	145
Rajah 4.12:	Inauk B. Gullah, <i>Pop Art Ku Analisis Negeri Di Bawah Bayu</i> , (114 x 149 cm), cat minyak, 2012, [Kategori Memuaskan 10 skor]	148
Rajah 4.13:	Arthur Stephen Siowou, <i>Borneon Bristlehead</i> , (25 x 18 cm), akrilik, 2011, [Kategori Baik 15 skor]	152
Rajah 4.14:	Arthur Stephen Siowou, <i>Bah Tangkap Ikan Kita Bah</i> , (78 x 106 cm), Cat Minyak, 2010, [Kategori Baik 15 skor]	155
Rajah 4.15:	Azlan Dulikap, <i>Lomiding Sama Pakis</i> , (81 x 103 cm), Akrilik, 2010, [Kategori Baik 15 skor]	159
Rajah 4.16:	Azlan Dulikap, <i>Di Kala Senja 1</i> , Akrilik atas kanvas, (25x18cm), 2011, [Kategori Baik Skor 15]	162
Rajah 4.17:	Azlan Dulikap, <i>Kami Pun Ada Di Sini</i> , (30 X 30 cm), Akrilik, 2010, [Kategori Memuaskan 9 skor]	165
Rajah 4.18:	Danuri Sakijan, <i>Dari Tanjung Aru ke Beaufort</i> , (80 x 120 cm), Cat Minyak, 1991, [Kategori Cemerlang 18 skor]	169
Rajah 4.19:	Ron Galimas, <i>Tamu Kota Belud</i> , (119 x 186 cm), Batik Painting (TT), [Kategori Cemerlang 20 skor]	173
Rajah 4.20:	Francis Cheong Sung Yin, <i>Budak Lelaki Menunggang Kerbau</i> , (97.5 x 82.3 cm), Akrilik, 1996, [Kategori Sederhana skor 5]	176

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pendahuluan

Manifestasi penggunaan imej bercirikan kartun dalam catan adalah merupakan satu stail yang sudah lama dipraktikkan oleh pelukis-pelukis terdahulu. Malahan terbukti dalam sejarah yakni lukisan-lukisan dinding gua seperti gua Altamira di Sepanyol, gua Lascaux di Peranchis dan juga gua di Ipoh Perak, jelas memperlihatkan imej-imej ringkas seperti figura manusia dan binatang yang dipermudahkan, dimanipulasi untuk merakam peristiwa semasa sekali gus menjadi gambaran kehidupan zaman lampau sebelum manusia memiliki tingkat peradaban seperti yang ada sekarang ini.

Walaupun olahan imej-imej tersebut berada di luar batasan realis yakni cukup ringkas dan penuh pengayaan namun kejayaan penyampaian mesej tentang apa yang wujud justeru dilihat serta dialami pada masa itu adalah sangat berkesan dan berbaloi sebagai catatan pengalaman dan pengetahuan. Kewujudan karya itu adalah cetusan daripada pengalaman serta keinginan untuk merakam peristiwa yang berlaku secara non-verbal. Ketepatan bentuk imej tidak menjadi keutamaan sebaliknya menitikberatkan cerita di sebaliknya. Selain itu, ia juga menjadi mercu tanda dan bahan komunikasi mudah yang dapat menghubungkan antara zaman. Pengamal-pengamal seni tampak masa kini telah banyak diilhami dan belajar tentang peninggalan tersebut berserta pelaksanaan kaedah-kaedah baru yang lebih kontemporari.

"Moreover, the subject matter of art - what it is about - is not limited the beautiful and pleasant, the bright sides of life. Art may also include and help us understand the dark sides - the ugly, the painful, and the tragic"

(Martin F. D., 2004: 1)

Kenyataan ini membicarakan tentang sesuatu yang hodoh, perit dan menyayat hati sebagai fenomena yang mencetuskan idea penciptaan serta pengolahan dalam sesebuah karya. Keterkaitannya jelas dengan tajuk kajian penyelidik justeru mengingatkan kepada kita bahawa ketepatan imej itu bukanlah pokok persoalan utama yang membuat sesuatu karya itu berjaya tetapi juga keupayaan seseorang pengkarya dalam memenangi penghayatan keunikan melalui olahan juga penerapan cerita pada subjek menjadikannya sesuatu yang tersendiri, asli dan bermakna.

Some artis distort or event subvert the realistic scale of object to challenge the viewer to look at the familiar in a new way. Some they are interested in providing a new perspective on the forms of thing, sometimes on the relationship between things.

(Rathus L. F. 2001: 103)

Kecenderungan pelukis untuk mengaburkan atau mengubah imej menjadi sesuatu yang bercanggah dengan penggarapan secara realistik adalah satu langkah mencabar penonton untuk menghayati nilai seni itu dari sudut pandangan yang berbeza. Dikatakan dorongan untuk menyediakan perspektif baru terhadap sesuatu bentuk adakalanya menjadi penghubung yang berkesan kepada subjek dan peristiwa atau nilai penceritaan. Imej kartun sangat sinonim dengan kenyataan ini kerana penggubahan semula bentuk asal daripada realistik kepada sesuatu yang sarat dengan pengayaan penuh kelucuan mampu mempermudah pemahaman dan penerimaan di samping mempengaruhi emosi untuk bergelak ketawa atau sekurang-kurangnya rasa terhibur lantas mampu melangkah keluar daripada kemelut perasaan yang tertekan.

Imej-imej ciptaan dalam kartun sekalipun didominasi oleh kelucuan dengan gambaran yang mencuit hati namun dari aspek yang lain, hal inilah yang menjadi kekuatan sebenar yakni menjadi daya penarik yang merangsang minda penghayat. Keindahan dan keburukan bentuk pada subjek yang ditampilkan sememangnya, masing-masing memiliki nilai tersendiri yang tinggi. Sudah tentu kartun juga memperlihatkan kecacatan dan kekurangannya jika dinilai dari sudut pandangan realistik namun dalam dunia kartun itu sendiri, keindahan jelas terserlah melalui pengolahan bersahaja dan pengayaan unik yang menghiburkan. Kesempurnaan yang ada pada pelukis juga wajar dituntut sedikit sebanyak berhubung sikap dan pembawaan sendiri kerana dikatakan, hal ini akan mempengaruhi dan membantu pembentukan ilham sebagaimana disarankan dalam pernyataan ini.

Muliyadi Mahmood, (1993), menjelaskan bahawa seseorang kartunis itu perlulah mempunyai sedikit sifat-sifat pelawak, penyair, pelukis, pensejarah dan Mat jenin, justeru kenyataan ini mencadangkan kepada pelukis bahawa keinginan untuk mencipta imej kartun itu haruslah lahir daripada jiwa disertai dengan keikhlasan hati. Pengalaman realiti kehidupan seseorang baik yang diterima dari luar mahupun yang lahir dari dalam adalah pemangkin kepada kejayaan dalam berkarya. Sesuatu yang diterima dari luar hadir daripada pengaruh persekitaran dalam segala segi manakala sesuatu yang lahir dari dalam diri adalah tindak balas semula jadi pelukis terhadap persekitaran yang memungkinkan kehadiran idea-idea yang melucukan.

Penggunaan imej bercirikan kartun dalam karya di negeri Sabah khususnya dalam karya catan telah berkembang baik dengan kehadiran pelukis-pelukis yang mempelopori gaya ini. Kebanyakan bakat mereka terserlah kerana dorongan usaha giat yang dijalankan oleh Balai Seni Lukis Sabah dalam mencungkil bakat-bakat baru melalui pertandingan, pemilihan dan pameran-pameran lukisan tahunan. Hasil-hasil karya yang diperolehi adalah tersendiri dan lebih banyak mengaplikasikan subjek-subjek yang berkaitan dengan persekitaran serta pengalaman pelukisnya.

Kewujudan gaya ini seakan satu kewajiban yakni sangat diperlukan untuk menyokong perkembangan dan kemajuan seni lukis di Sabah. Dalam masa yang sama, dapat menyumbang serta melengkapkan lagi himpunan khazanah karya pelbagai gaya khususnya BSLS. Hal ini dapat menggerakkan perasaan atau sensitiviti bukan sahaja kepada pelukisnya tetapi kepada masyarakat amnya. Dalam persekitaran yang kita diami, sudah tentu menghimpunkan banyak cerita untuk dizahirkan atau diterjemahkan dalam bentuk tampak. Oleh hal yang demikian pendekatan ini merupakan salah satu gaya yang dapat digunakan bagi menyempurnakan keperluan, yang dituntut oleh pejuang-pejuang seni dan masyarakat. Penghayatan terhadap karya tersebut akan mudah diterima di samping dapat dinikmati estetikanya dengan lebih berkesan berdasarkan kepada bentuk-bentuk yang mampu mencetuskan daya tarikan secara mendalam.

Penggunaan imej kartun dalam catan khususnya di Sabah, meskipun sudah wujud agak lama namun kurang disedari dan diperkatakan. Walaupun banyak catan yang didapati mengaplikasikan gaya ini tetapi, penggemar sering kali melihat itu sebagai satu proses abstraksi atau pengayaan semata-mata. Dalam sesebuah catan, imej pilihan samada figura atau imej persekitaran yang digayakan ada kalanya melampaui batasan sehingga menjejaskan bentuk realitinya. Dalam proses pengayaan ini pula kita sering terlupa untuk melihat dan menilai apakah imej tersebut mendukung ciri-ciri kekartunan atau sebaliknya. Hal ini sebenarnya adalah disebabkan kita kekurangan instrumen sebagai alat pengukur untuk mengenal pasti ciri-ciri yang harus ada sebelum kita melabelkan sesuatu imej itu sebagai imej yang bercirikan kartun.

Penghayat seni sering kali membuat tanggapan pincang dan keterlaluhan ketika menghayati catan yang tidak memenuhi kriteria, sebagaimana yang dia inginkan. Hal ini berlaku apabila penghayat terbiasa dan selesa dengan imej-imej realis ataupun naturalistik. Tuntutan nurani seringkali membayangkan imej sempurna sebagaimana yang dihasilkan melalui pendekatan peniruan mutlak seperti dalam catan realis atau superealis umpamanya. Dalam hal ini, penting untuk kita membuat pengesanan serta penganalisan catan-catan yang mengaplikasikan ciri-ciri kartun dalam karya khususnya catan pelukis-pelukis tempatan di Sabah.

Seperti yang kita tahu, catan-catan gaya ini telah mula berkembang dan menampakkan hasil yang memberangsangkan. Ada beberapa orang pelukis yang cenderung kepada stail ini, sudah mula menampakkan keyakinan dan kemantapan dalam berkarya dengan penerapan sensasi kelucuan pelbagai tahap. Karya-karya agak tersendiri, oleh itu adalah penting untuk kita mencungkil dan memahami rahsia, tujuan dan manfaat di sebalik terciptanya catan-catan gaya ini.

1.2 Permasalahan Kajian

Penyelidik tertarik dengan judul ini kerana merupakan satu isu yang boleh dianggap terkini khususnya di Sabah. Perkara baru yang dimaksudkan adalah didasarkan kepada pengertian serta kesedaran dari sudut ilmiah yang wajar dibuktikan melalui penulisan dan pengkajian secara teliti. Walaupun terdapat individu tertentu yang pernah melaksanakan kajian serupa ini di tempat lain namun skop kajian itu tidak mencakupi karya-karya yang terdapat di Sabah. Kewujudan gaya ini sudah agak lama namun belum pernah dibincangkan secara formal khususnya melalui penulisan ilmiah.

Penghayat dan pengumpul seni lebih cenderung mencari catan-catan yang cantik dan memuaskan untuk dijadikan koleksi. Pembicara seni pula sibuk melihat dan menilai intipati dan penceritaan manakala artis-artis pula terlalu asyik menghasilkan karya, memantapkan olahan dan mencari stail dalam menentukan arah masing-masing. Selain itu, ramai dalam kalangan penghayat alpa dengan tujuan penerapan imej bercirikan kartun menyebabkan penghayatan terhadap karya tersebut tidak berkesan. Biasanya golongan yang tidak berkemampuan menilai catan ini secara formal, menggunakan elemen kritikan ialah, publik yang kurang arif tentang penghayatan melalui bahasa seni yakni unsur-unsur seni dan perinsip rekaan. Keputusan analisis yang dicadangkan nanti akan membantu mereka agar lebih memahami dan menghargai khususnya catan gaya ini.

Ramai penggemar seni yang ingin menjadi pelukis namun dibatasi oleh kemampuan diri dalam penghasilan figura yang menepati struktur atau kriteria sebenar khususnya dalam aliran realistik. Kesempurnaan struktur dan anatomi sukar dikuasai apatah lagi jika cenderung membandingkan kemampuannya dengan

kemampuan pengkarya-pengkarya lain. Apa yang sering berlaku ialah ketidakyakinan penguasaan skil, seterusnya mencetuskan kegagalan dalam penghasilan karya yang berteraskan figura manusia mahupun binatang. Hal ini sedikit sebanyak menjejaskan penyampaian mesej secara jelas dan berkesan. Analisis dan pengiktirafan akan menjadi pemangkin kepada kelahiran lebih ramai pelukis yang mendukung gaya ini dengan lebih berkeyakinan seterusnya menyumbang kepada perkembangan dan pertambahan bilangan karya berkenaan serta menggalakkan peningkatan mutu yang akhirnya menjadikannya lebih berkualiti. Apa yang lebih penting di sini ialah pertambahan bilangan hasil seni itu akan memperbanyakkan maklumat berkaitan isu, budaya dan persekitaran khususnya tanah air kita sebagai bahan sejarah sekali gus memberi manfaat kepada generasi masa depan yang sentiasa menginginkan kesempurnaan.

“Dalam kecenderungan seni dewasa ini, keindahan bukan lagi merupakan tujuan yang paling penting. Sebahagian seniman menganggap, lebih penting menggoncangkan publik daripada menyenangkan orang dengan karya seni mereka. Goncangan perasaan dan kejutan batin itu boleh berlaku melalui keindahan mahupun kekurangan yang ditonjolkan dalam karya tersebut”

(Dharsono, 2004: 16).

Usaha menggoncang perasaan ialah satu tindakan yang bertujuan untuk mewujudkan kejutan dan kekaguman terhadap karya yang dihasilkan. Bersesuaian dengan kenyataan ini, penilaian bukan lagi berasaskan kepada kecantikan karya itu semata-mata tetapi, juga melalui sesuatu yang boleh dianggap sebagai kelemahan yang ditonjolkan. Kelemahan itu akan menimbulkan tanda tanya sekali gus menjadi tarikan yang seterusnya memangkin kepada penghayatan mendalam justeru menjadikannya karya itu lebih bermakna. Karya-karya catan mempunyai nilai tersendiri yakni berupaya menarik perhatian penghayat sekalipun hanya bersifat kekartunan. Sememangnya karya serupa ini sekalipun telah banyak dihasilkan namun boleh dikatakan masih kurang popular berbanding catan-catan realistik. Imej bercirikan kartun dalam catan masih sukar diterima secara umum,

memandangkan hanya golongan-golongan tertentu sahaja, yang ingin menjadikannya sebagai koleksi.

Catan-catan seperti ini masih kurang komersil bagi mereka yang kurang kemampuan penghayatan kerana ciri-ciri kartun yang terkandung dalam catan membayangkan figura yang gagal digarap dengan baik bagi sesetengah penggemar seni. Oleh itu adalah wajar ilmu pemahaman tentang seni itu diterapkan dalam minda mereka. Hal ini juga salah satu cara untuk memperkenalkan imej-imej kartun dalam catan di samping mengiktiraf hasil kerja pelukis untuk diketengahkan kepada umum.

“Seni tidak boleh bergerak dengan sendirinya tanpa ada sokongan daripada peminat dan penggiatnya. Sokongan yang padu dan berterusan dapat menyemarakkan jangka hayat sesuatu bidang seni. Seniman dan masyarakat adalah pendokong utama dalam menggerakkan jangka hayat itu”

(Mohd. Johari Abd. Hamid, 2011: 11).

Kedua belah pihak antara penggiat dan peminat seni memainkan peranan yang sama dan seimbang dalam memastikan kelangsungan hayat sesuatu bidang khususnya imej bercirikan kartun ini. Pendedahan seumpamanya akan memberi kesedaran sekali gus memberi tempat kepada karya seperti ini agar kekal dan terus wujud serta berkembang pada masa hadapan dalam kalangan pelukis-pelukis sabah.

Penyelidik sangat tertarik dengan keistimewaan dan keunikan tersendiri pada imej catan serupa ini. Proses penghasilan yang cermat oleh pelukis yang berwawasan memangkin kepada pembentukan identiti. Bentuk figura dan elemen persekitaran menerapkan kesamaan dan kesinambungan ciri dalam siri demi siri catan yang dihasilkan. Hal ini menunjukkan pelukis-pelukis sangat serius dalam pemilihan penggubahan, dan penentuan watak dalam karyanya. Perspektif yang tepat tidak semestinya wujud, walhal sangat bersesuaian dengan gaya imej bercirikan kartun dalam catan. Hal ini jugalah yang menjadikan daya tarikan

penghayatan kerana banyak imej dapat dimuatkan dalam ruang terhad bagi melengkapkan mesej penceritaan. Adakalanya imej yang dimasukkan tidak berada di tempat yang sepatutnya. Saiz imej yang tidak dipengaruhi oleh perspektif dan ketepatan ruang yakni warna turut dipermudahkan, untuk menyenangkan penghayat mengamati dan memahami terutama sekali aspek formalistiknya.

Keadaan persekitaran pelukis banyak membantu menyumbangkan ilham dalam penghasilan karya. Hal ini dapat dilihat berdasarkan pemerhatian awal penyelidik di mana kebanyakan subjek kajian yang digunakan ada hubungannya dengan latar belakang kehidupan mereka. Keghairahan melukis untuk merakam pengalaman dan menyetengahkannya kepada umum telah mendorong keberanian pelukis untuk mempersembahkan karya dengan penerapan ciri kartun kerana gaya ini kurang dibatasi oleh aturan-aturan formal dalam laras bahasa seni amnya. Oleh itu, wajar untuk diketahui, bagaimanakah bentuk, perkembangannya dan pengaruhnya serta apakah pendirian pelukisnya terhadap gaya catan yang diamalkan serta respon masyarakat sekelilingnya. Semua ini perlu diketahui dan dikupas serta diberi perhitungan sewajarnya demi untuk satu keputusan yang meyakinkan.

1.3 Objektif Kajian

Adalah penting untuk mengkaji secara mendalam karya-karya catan yang menerapkan imej bercirikan kartun di Sabah. Kupasan bermula daripada gaya hinggalah kepada pemilihan imejnya berserta nilai-nilai di sebalik terciptanya karya tersebut. Antara tujuan kajian ini ialah untuk mengenal pasti pelukis-pelukis yang terlibat secara aktif dalam penghasilan catan yang dimaksudkan, dalam karya mereka. Pelukis-pelukis ini tampak sangat produktif dalam menghasilkan karya serta mewah dengan bahan-bahan ceritanya semata-mata untuk memperjuangkan sesuatu tema, keadaan mahu pun sejarah. Pengesanan akan dilakukan dengan membuat pemerhatian dan analisis ke atas catan-catan yang telah dihasilkan.

Kajian ini juga nanti akan dapat menyedarkan kita bahawa pelukis-pelukis yang menggunakan imej bercirikan kartun dalam catan ini berpotensi memenangi perhatian masyarakat setempat khususnya di Sabah. Mereka perlu diketengahkan

agar dikenali umum dan lebih daripada itu menjadi sumber rujukan kepada pengemar, penghayat dan seniman itu sendiri. Stail dan pemilihan imej serta olahan yang unik seharusnya dihargai dan diberi pengiktirafan kerana mereka ini sememangnya wujud sebagai salah satu kumpulan pelengkap kepada dunia seni lukis di Sabah. Kajian ini juga sedikit sebanyak akan menonjolkan populariti mereka kerana gaya yang diterajui sememangnya satu keperluan yakni pernyataan yang menjurus kepada satu tujuan iaitu memenuhi aspirasi masyarakat berhubung keperluan fisiologi seperti hiburan dan juga rekod sejarah. Perincian kepada objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Membuat inventori karya catan pelukis tempatan yang mengaplikasikan imej bercirikan kartun.
- ii. Menganalisis karya catan terpilih berdasarkan aspek formalistik.
- iii. Mengenal pasti ikon karya catan terpilih dalam persekitaran masyarakat.

1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian, penyelidik akan berusaha untuk mendapatkan seberapa banyak maklumat berlandaskan metodologi yang digunakan agar dapat menyumbangkan fakta tepat kepada semua aspek yang cuba dikupas khususnya penggunaan imej bercirikan kartun dalam catan oleh pelukis-pelukis di Sabah. Cakupan dalam objektif yang difikirkan, perlu ada bagi tujuan merumus keseluruhan matlamat di akhir kajian yakni berkisar kepada hasil inventori bentuk formalistik dan ikon yang digunakan. Persoalan kajian adalah dikemukakan seperti berikut:

- a. Apakah hasil inventori karya catan pelukis tempatan yang mengaplikasikan imej bercirikan kartun?
- b. Bagaimana hasil analisis bentuk formalistik catan-catan terpilih berdasarkan unsur-unsur seni dan prinsip rekaan?
- c. Apakah ikon karya catan terpilih dan hubungannya dengan persekitaran masyarakat?

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini akan dapat membantu mengetengahkan pelukis-pelukis yang mendukung gaya ini di samping dapat memperkenalkan karya-karya mereka menerusi pemilihan dan analisis yang dibuat. Dalam usaha memperkembangkan gaya ini, sudah tentu sangat memerlukan kewujudan penting tiga aspek yang utama. HB. Sutopo (1991) menyarankan bahawa, seniman, karya seni dan penghayat merupakan tiga komponen utama pendukung kehidupan seni yakni menurut beliau, tidak satu pun komponen tersebut dapat diabaikan keberadaannya, kerana kesatuan yang dinamik memungkinkan seni hidup dan berkembang dalam masyarakat. Ketiga-tiganya apabila saling berinteraksi secara dinamik dan kreatif, maka seni juga akan hidup dan berkembang dengan prosesnya yang kreatif dan dinamik juga.

Kajian secara kritis adalah salah satu alternatif penting dalam mengangkat martabat sesuatu catan yang hendak diketengahkan. Adalah mustahak untuk tahu, bahawa sesebuah dialog atau kritikan seni yang bebas dan berlandaskan ragam kehidupan batiniah yang berbeza akan mampu menghasilkan makna yang tidak seragam, namun memungkinkan hadirnya suatu kepuasan yang sama iaitu kepuasan pengalaman secara emosional disertai makna yang mendalam. Kepuasan ini akan menimbulkan satu kesedaran dan seterusnya menjadi langkah penghargaan yang sewajarnya agar terus berkembang dan dimantapkan. Karya-karya catan bercirikan kartun ini tidak kurang pentingnya untuk diangkat nilai menjadi sesuatu yang lebih bermakna.

Para penggiat seni gaya ini kebanyakannya menghasilkan karya mengikut naluri dengan hanya mempertimbangkan kewajaran yang logik. Mereka berusaha mencipta sesuatu hasil yang baik dan menarik sedangkan kebanyakan mereka tidak mempunyai pengetahuan yang luas dan mendalam tentang bahasa seni tampak. Kebanyakan daripada pelukis yang akan dikaji tidak mempunyai pendidikan formal dalam seni. Mereka lazimnya dipengaruhi oleh bentuk dan olahan karya-karya terdahulu dengan mempelajarinya secara kolektif. Walaubagaimana pun bahasa seni yang ada sememangnya telah terterap secara tidak langsung dalam karya cuma tidak disedari atau tidak dibicarakan secara jelas oleh pelukis tersebut.